

# Perkemas jentera pentadbiran daerah: Dr M<sup>(P)</sup>

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kerajaan-kerajaan negeri memperkemas jentera pentadbiran peringkat daerah supaya rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perdana Menteri juga berharap setiap program pembangunan di peringkat daerah disusun rapi dan perbelanjaannya dikawal.

Beliau menimbulkan perkara ini dalam mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri kali ke-54 di pejabatnya di sini pagi ini.

Sumber-sumber mesyuarat berkata, Perdana Menteri memaklumkan hasratnya itu supaya program pembangunan desa yang menjadi salah satu keutamaan pembangunan negara tidak terjejas disebabkan kelembapan ekonomi.

Beliau juga menekankan perkara itu kerana mendapati beberapa program kurang berkesan disebabkan wujudnya masalah di peringkat jentera pentadbiran daerah.

Perdana Menteri mahu prestasi jentera itu dikaji semula kerana kebanyakan orang Melayu masih menumpukan kegiatan mereka di luar bandar.

Datuk Seri Dr Mahathir turut membayangkan betapa pentingnya ejen pembangunan seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung digembelngkan secara lebih glat.

Beberapa langkah dan strategi am bagi mengatasi masalah pentadbiran di peringkat daerah juga dibincangkan tetapi belum ada keputusan dibuat.

Selain perkara itu, soal-soal khusus berkaitan politik dan pentadbiran turut dibincangkan.

Sumber itu bagaimanapun enggan menyatakannya sama ada dalam pertemuan hari ini, soal pemilihan Umno dibincangkan.

Difahamkan, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan beberapa menteri Kabinet turut hadir di mesyuarat itu.